

[f \(https://www.facebook.com/DagangNewscom-108145407622882/\)](https://www.facebook.com/DagangNewscom-108145407622882/) [Twitter \(https://twitter.com/DagangNews\)](https://twitter.com/DagangNews) [Instagram \(https://instagram.com/dagangnews_portal?igshid=84dr6n9jcwgr\)](https://instagram.com/dagangnews_portal?igshid=84dr6n9jcwgr)
[YouTube \(https://www.youtube.com/@DagangnewsVideo\)](https://www.youtube.com/@DagangnewsVideo)



dagangnews.com

Berita Bisnes Anda

(https://www.dagangnews.com/)

SEARCH

Home (https://www.dagangnews.com/) / Terkini (https://www.dagangnews.com/Terkini) /
Maybank Asset sasar capai RM100 juta AUM akhir tahun dijana daripada dana terbaru



- 12 Jul 2023 05:12 PM



DagangNews.com

Maybank Asset sasar capai RM100 juta AUM akhir tahun dijana daripada dana terbaru

Majlis pelancaran Dana Dividen Global MAMG di Kuala Lumpur pada 12 Julai 2023.

[editor@dagangnews.com \(mailto:editor@dagangnews.com\)](mailto:editor@dagangnews.com)





KUALA LUMPUR 12 Julai - Unit milik penuh Maybank Asset Management Group (MAMG), Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM), menjangka mencapai sasaran akhir tahun sebanyak RM100 juta aset di bawah pengurusan (AUM) untuk Dana Dividen Global MAMG yang baru dilancarkan.

Ketua Pegawai Eksekutif MAM, Ahmed Muzni Mohamed berkata dana itu dengan kerjasama JP Morgan Asset Management, salah satu pengurus pelaburan terkemuka dunia, dengan AS\$2.67 trilion atau kira-kira RM12.45 trilion dalam AUM.

Beliau berkata dana itu adalah dana penyuap yang bertujuan mencapai pertumbuhan modal dan pendapatan dengan melabur dalam Dana Pelaburan JPMorgan-Dana Dividen Global, yang diuruskan oleh JP Morgan Asset Management (Eropah).

"Dana itu disasarkan kepada semua pelabur dan tidak melihat mana-mana segmen tertentu. Kami sentiasa menasihati pelanggan kami untuk memegang pelaburan portfolio dan bukannya pelaburan khusus untuk mengurangkan risiko pelaburan dan turun naik pasaran mereka.

"Dana semua cuaca serba baharu ini bertujuan untuk menyampaikan hasil dividen yang unggul lagi konsisten dengan peluang asas yang menarik untuk pertumbuhan pendapatan dalam jangka panjang," katanya kepada pemberita pada pelancaran Dana Dividen Global MAMG di sini hari ini, Bernama melaporkan.

Ahmed Muzni juga berkata bahawa dana itu dijangka mewujudkan lonjakan minat dalam kalangan pelabur tempatan dan memberi ketenangan fikiran kepada mereka untuk mengembangkan portfolio pelaburan mereka.

Sementara itu, ketua dana Asia Tenggara JP Morgan, Supreet Bhan berkata dana itu bertujuan untuk menyampaikan pendapatan yang konsisten dan potensi pertumbuhan modal daripada portfolio saham dividen global berkualiti tinggi merentas spektrum hasil.

"Mandat dana adalah untuk mengenal pasti syarikat yang membayar dividen, satu ciri yang menjadi bukti kepada kunci kira-kira dan daya tahan perniagaan itu. Ini kerana jika anda mempunyai masa depan yang menjana tunai dan keuntungan, itulah apabila anda mampu membayar dividen," katanya.

Mengenai peruntukan portfolio, beliau menegaskan bahawa penanda aras ialah MSCI All Country World Index di mana dana itu diuruskan secara aktif.

"Ia tidak boleh menyimpang daripada penanda aras kerana pengurusan risiko yang sedia ada tidak membenarkannya bergerak terlalu jauh daripada penanda aras.

"Selain itu, kerana penanda aras itu mempunyai peruntukan majoriti di Amerika Syarikat, yang merupakan pasaran saham terbesar di dunia, ia cenderung mempunyai peruntukan yang lebih tinggi kepada syarikat AS. Bagaimanapun, beberapa nama menarik dari Asia turut hadir dalam portfolio itu," katanya. - **DagangNews.com** (<https://dagangnews.com/>)



dagangnews.com
Berita Bisnes Anda

Layari kami terus di **DagangNews.com**
(<https://www.dagangnews.com/>) dan juga

(<https://www.facebook.com/DagangNews>)

(<https://twitter.com/DagangNews>)

(https://www.instagram.com/dagangnews_portal)

(<https://www.tiktok.com/@dagangnews>)

(<https://www.youtube.com/@DagangnewsVideo>)

